



# LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

JALAN MAWAR MERAH 2, PUSAT PERDAGANGAN PASIR GUDANG 2  
81700 PASIR GUDANG, JOHOR DARUL TA'ZIM



Rujukan : LPJ/IP/OPS/24JLD3(36)

## NOTIS PELABUHAN BIL 09/2019

### LEMBAGA PELABUHAN JOHOR

**TARIKH** : 17 DISEMBER 2019

**KEPADA** : **TERMINAL / JETI PERSENDIRIAN / SYARIKAT / PENGENDALI / PENERIMA KARGO HAZARDOUS NOXIOUS SUBSTANCES (HNS) YANG BEROPERASI DI DALAM PELABUHAN DAN DI DALAM HAD PERAIRAN PELABUHAN PASIR GUDANG DAN TANJUNG PELEPAS.**

**PERKARA** : **PEMATUHAN DAN PENGUATKUASAAN PENGHANTARAN LAPORAN PENGENDALIAN DAN PENERIMAAN KARGO HAZARDOUS NOXIOUS SUBSTANCES (HNS).**

---

1. Adalah dimaklumkan semua terminal / jeti persendirian / syarikat / pengendali / penerima kargo import *Hazardous Noxious Substances (HNS)* di dalam bentuk pukal cerai (*break bulk*) termasuk pepejal, cecair, gas, *edible & non-edible oil* yang beroperasi di dalam pelabuhan dan di dalam had perairan pelabuhan Pasir Gudang dan Tanjung Pelepas adalah diwajibkan untuk mematuhi perkara berikut:

i. Menyemak maklumat senarai kargo HNS di dalam pautan laman web berikut:

<https://www.hnsconvention.org/hns-finder/>

ii. Laporan pengendalian dan penerimaan kargo import HNS perlu di hantar oleh **Physical Receiver / penerima pertama** kargo HNS sahaja dan perlu dinyatakan *cargo owner / pemilik kargo* sekiranya *Physical Receiver / penerima pertama* bukan pemilik kargo HNS.

iii. Pengisytiharan pengendalian kargo HNS hanya melibatkan aktiviti import dan *transshipment* (kargo yang terlibat dengan penyimpanan sebelum ia dimuat naik ke kapal lain).

---

IBU PEJABAT (PASIR GUDANG)	: 07-253 4000 (TEL.) 07-251 7684 (FAKS)
PEJABAT PERHUBUNGAN LPJ (TG. PELEPAS)	: 07-507 1978 (TEL.) 07-507 1976 (FAKS)
TERMINAL FERI CHANGI, SINGAPURA	: 02-6545 3230 (TEL.) 02-6545 3231 (FAKS)
LAMAN WEB	: <a href="http://www.lpj.gov.my">http://www.lpj.gov.my</a> e-mail: <a href="mailto:admin@lpj.gov.my">admin@lpj.gov.my</a>

- iv. Mengemukakan pengisytiharan pengendalian dan penerimaan kargo HNS kepada LPJ bagi tempoh tahun 2017-2019.
  - v. Melaksanakan pengisytiharan pengendalian dan penerimaan kargo HNS kepada LPJ setiap bulan. Pengisytiharan perlu dilaksanakan **sebelum atau pada 10hb** bulan berikutnya.
  - vi. Pengisytiharan pengendalian dan penerimaan kargo HNS sebagaimana di dalam perenggan iv. dan v. di atas perlu dilaksanakan menggunakan format laporan seperti di **Lampiran 1** dan dihantar ke email **hns@lpj.gov.my**.
2. Pematuhan berkaitan perkara di para 1) berkuatkuasa bermula pada **1 Januari 2020**.
  3. Salinan Lampiran 1 boleh dimuat turun daripada pautan laman web berikut :  

<https://www.lpj.gov.my/>
  4. Maklumat lanjut berkenaan Konvesyen HNS boleh di rujuk di pautan laman web : <https://www.hnsconvention.org/the-convention/>
  5. Sebarang pertanyaan dan maklumat lanjut berkenaan notis ini boleh berhubung dengan pegawai seperti di bawah:

- i. **En. Mohd Zahari bin Mohd Rusjuna**  
No. Telefon : 07-2534052 / 019-7905879  
Email : [zahari@lpj.gov.my](mailto:zahari@lpj.gov.my)

Sekian, terima kasih.

## **PROFESIONALISME MEMANTAPKAN PERKHIDMATAN**

Saya yang menjalankan amanah,

  
**MUHAMMAD RAZIF BIN AHMAD**  
Pengurus Besar  
Lembaga Pelabuhan Johor  
✉ [razifahmad@lpj.gov.my](mailto:razifahmad@lpj.gov.my)

No Kotak: No Dokumen: 183459